

## TEMA-TEMA POPULAR DALAM ANTOLOGI CERPEN TAMIL 'PERAVAI KATHAIKAL'

Annadurai a/l Murogaiah  
*annaduraj@hotmail.com*  
 Jabatan Pengajian India  
 Fakulti Sastera Dan Sains Sosial  
 Universiti Malaya

**Abstract:** This paper seeks to illustrate popular themes found in the Tamil short story anthology 'Peravai Kathaikal' from the Tamil Language Society, University of Malaya written by local Tamil authors in Malaysia. These authors' content is largely based on their own life experiences and their knowledge of the struggles of Malaysian Indians of the past. Across this broad range of writing styles, one striking commonality among these authors was the allusion made to the closely intertwined relationship between Malaysian Indians and the life in rural plantations. These authors also broached themes of love and marriage, poverty, education, sexual promiscuity and parent sacrifices in their literary work. As such, this allows for the study of the dynamics of Indian society as well as the background of its people. The research method adopted in this paper involved both mimetic theory, to mirror the external surroundings of the characters, and expressive theory to shed light on their internal musings, thoughts and emotions alike. Hence, this paper fundamentally addresses the themes discussed within this anthology of Tamil short stories via the depiction of the flow of thought and the circumstances of the Indian community in Malaysia from 1980 to 2000.

**Keyword:** Tamil anthology of short stories, themes and issues, community sociology, plantation life and problems.

### PENGENALAN

Sesebuah cerpen yang dihasilkan selalunya akan menyampaikan sesuatu amanat kepada para pembaca. Ia disampaikan melalui tema dan persoalan yang dikemukakan di dalam cerpen. Ini adalah kerana setiap penghasilan berdasarkan pengalaman seseorang penulis sama ada secara langsung atau tidak langsung. Dengan itu, perlakuan dalam kehidupan dipaparkan sebagai karya untuk tatapan para pembaca. Cerpen akan dapat memberi gambaran yang jelas tentang aliran pemikiran dan keadaan sesuatu masyarakat pada sesuatu zaman.

Setiap karya baik cerpen, novel, puisi mahu pun drama unsur penting yang membinanya ialah tema. Apa yang diertikan sebagai tema ialah persoalan dasar yang menjadi tumpuan pengarang untuk ditonjolkan ke dalam karyanya.

Di dalam tema, wujudnya semua cita-cita pengarang. Pengucapan tema ini ialah percikan langsung daripada masalah kehidupan penulis dan dilihat daripada kaca mata dan pandangan penulis itu sendiri, yakin yang melibatkan peristiwa dari kehidupan manusia dalam konteks yang dialami sesama manusia dengan manusia, manusia dengan alam dan manusia dengan persekitaran. A. Samad Said mengatakan, seniman meneliti peristiwa dan pengalaman itu dengan penuh sabar hingga ke inti-intinya. Hanya sesudah diyakini ada sesuatu manfaat daripada peristiwa dan pengalaman itu barulah disemai batas seninya. Benih temanya ditentukan; matlamat tertentu dilandaskan (A.Samad Said, 1996, hlm.37).

Bagi menarik daya perhatian pembaca cerpen, pemilihan tema perlulah menjadi satu dasar impression dan memastikan ia kekal dalam minda pembaca. Ini disokong oleh Kempton K.P, 'In short story writing, theme could be called the factor of permanent impression. Places may fade, details of character and action may become lost; but if the story was a good one, we remember what it meant' (1971, hlm. 138).

Jadi pemikiran penulis perlu disaring dengan baik untuk mengolah sesuatu tema yang bernilai. Tema yang bernilai seharusnya menggerakkan manusia, menyedarkan mereka dan mengubah pendirian serta prinsip mereka. Perkembangan tema-tema berlaku akibat daripada ruang media yang memuatkan cerpen itu sendiri.

Antologi cerpen Tamil '*Peravai Kathaikal*' terbitan Persatuan Bahasa Tamil, Universiti Malaya memuatkan tema-tema yang menggambarkan kehidupan sebenar dan pengalaman-pengalaman pengarang dalam mengetengahkan isu-isu semasa sepanjang kehidupannya. Tema dan persoalan yang dibawa oleh penulis memperlihatkan kehidupan masyarakat India di bandar dan di pinggir bandar. Penulis juga megimbas kembali kehidupan di ladang dan mencorakkannya dalam karya mereka. Pengucapan tema itu sebenarnya, percikan langsung daripada masalah kehidupan pengarang yang dilihat dari kacamata dan pandangan pengarang pada setiap masa dan diselitkan sebagai kritikan sosial dalam temanya.

Dengan itu, pengarang-pengarang yang menulis dalam '*Peravai Kathaikal*' telah mengemukakan banyak tema yang menyentuh masyarakat India di Malaysia. Kebanyakan cerpen bertemakan liku-liku kehidupan mereka dan pengalaman yang ditempuhinya dari semasa ke semasa.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilakukan berdasarkan objektif berikut:

- i. Mengkaji tema-tema dalam cerpen Tamil Malaysia dari 1980 hingga 2010.
- ii. Mengkaji tema tradisional dan tema isu-isu semasa yang digambarkan oleh penulis Tamil dalam masyarakat India.
- iii. Mengkaji corak pemikiran masyarakat India melalui kajian tema dalam cerpen-cerpen Tamil Malaysia.

## SOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian di atas, kajian ini cuba menjawab soalan-soalan berikut:

1. Bagaimanakah pemaparan tema-tema tradisional dalam cerpen Tamil Malaysia?
2. Bagaimanakah isu-isu semasa digambarkan oleh penulis Tamil Malaysia?
3. Bagaimanakah corak pemikiran masyarakat India Tamil Malaysia?

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif-kualitatif untuk mengumpulkan data dan menganalisis data. Pendekatan teori mimetik dan teori ekspresif telah digunakan untuk menjelaskan keadaan tema dan persoalan yang terpapar dalam antologi cerpen sebagai gambaran sebenar dalam masyarakat. Melalui teori mimetik, kita meniru apa yang ada dalam realiti yakni latar tempat, latar masyarakat, tema dan persoalan. Teori ekspresif yang melihat kepada aspek luahan pendapat, perasaan dan pandangan cerpenis teks berkenaan. Ia sebagai menggambarkan pemikiran kaum India kerana kebanyakan karya kreatif yang menekankan revolusi ekonomi dalam minda masyarakat India.

Tema-tema popular dalam antologi cerpen Tamil '*Peravai Kathaikal*' terbitan Persatuan Bahasa Tamil, Universiti Malaya merupakan jilid buku yang diterbitkan oleh Persatuan Bahasa Tamil, Universiti Malaya dan disimpan di Perpustakaan India, Universiti Malaya. Sumber buku antologi cerpen ini merupakan kajian perpustakaan di Universiti Malaya.

## PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN

### 1.1 Tema Cinta

Definisi cinta sukar dihuraikan kerana para sarjana sendiri tidak dapat menjelaskan apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan cinta. Adakah cinta merupakan perasaan, kasih sayang antara lelaki dan perempuan semata-mata atau cinta merupakan perkataan rekaan yang dicipta melalui naluri dan perasaan sahaja? Namun mengikut kamus Dewan, "Cinta adalah perasaan kasih sayang terhadap seseorang" (1996, hlm.241).

Antara petanda wujudnya perasaan cinta adalah seseorang akan berasa rapat dengan seseorang, senang berkomunikasi dengannya walaupun pada jangka waktu yang panjang. Selain itu, perasaan rindu akan wujud apabila tidak bertemu dan nada keinginan untuk bergandingan tangan atau saling merangkul bahu merupakan antara petanda lain tentang cinta. Ghairah adalah elemen motivasi yang didasari oleh dorongan diri yang bersifat seksual.

Cinta boleh ditafsirkan dengan seribu istilah mengikut si pencipta dan situasi si pencipta ketika itu. Pada dasarnya cinta membawa maksud bekerja bersama-sama, ketawa bersama-sama, menghayati bersama-sama dan hormat-menghormati antara satu sama lain. Cinta juga bermaksud kemahuan untuk berkongsi kejayaan bersama-sama, tidak kira kecil ataupun besar. (Robiah Kulop Hamzah 1997, hlm.59).

Cerpen '*Nitchayam Eravukku Pagallundu*' (Malam Pasti Ada Pagi) karya Ummayal mengisahkan Jeyanthi seorang anak dara yang telah ditipu oleh kekasihnya. Ibu kekasihnya telah mengatur perkahwinan anaknya dengan bakal menantu perempuan iaitu seorang guru. Jeyanthi amat marah dengan tindakan kekasihnya lalu ingin membunuh diri. Kebetulan pula terdapat berita tentang kejadian bunuh diri akibat gagal cinta terpapar di surat khabar pada hari tersebut. Selepas membaca berita itu, Jeyanthi bertekad tidak mahu membunuh diri dan berhajat untuk hidup demi kedua-dua ibu bapa.

*“Jika masalah muncul maka membunuh diri bukanlah langkah yang bijak. Gagal cinta, masalah suami-isteri, masalah anak dan ibu bapa boleh diatasi dan dibincang. Perbuatan bunuh diri mencemarkan nama baik keluarga dan adik beradik. Jangan terikut-ikut dengan adegan-adegan drama dan filem. Hidup ini bukan filem. Semua masalah boleh diatasi”*

(Peravai Kathaikal 1990, hlm.155).

Petikan tersebut telah mengubah corak pemikiran dan kehidupan Jeyanthi. Pengarang cerpen ini mengutuk tindakan membunuh diri sebagai langkah terakhir untuk meyelesaikan masalah. Kehidupan manusia perlu dicontohi dan dinilai sebab hidup ini adalah pemberian Tuhan Yang Maha Esa.

Sebuah lagi cerpen iaitu *‘Eni Oru Vithi Seiven’* (Akan Mengubah Takdir) karya Punniyavan mengisahkan percintaan antara Suresh dan Geetha. Emak Geetha mengetahui percintaan anak dengan Suresh. Pada suatu hari Suresh dan Geeta bertikam lidah di rumah Geetha. Akibat terlalu marah, Suresh memukul Geetha di hadapan emaknya. Emaknya marah lalu mengatakan bahawa dia tidak mahu atau bersetuju mengahwinkan Geetha kepada Suresh. Oleh itu Suresh berasa sedih dan meninggalkan rumah. Selepas beberapa hari Suresh berasa rindu dan melawat Geetha tetapi emak Geetha tidak menjemput Suresh masuk ke rumahnya. Lantaran itu, Suresh tidak dapat menerima kejadian itu lalu meminum racun dan dihantar ke hospital. Geetha melawat Suresh dan berdoa agar dia cepat sembuh. Tidak lama kemudian keadaan Suresh beransur pulih tetapi Geetha tidak mahu mengahwini Suresh yang lemah semangat dan tidak dapat mengharungi dugaan hidup.

*“ Perkara kecil seperti ini pun dia tidak dapat ditrima dan terus minum racun. Selepas kahwin mungkin dia akan mengambil keputusan yang bodoh. Baik saya mengambil keputusan sekarang daripada menyesal di kemudian hari”*

(Peravai Kathaikal 1986, hlm 28).

Kata-kata tersebut mengukuhkan idea pengarang bahawa jika seseorang telah membuat keputusan maka amat susah untuk mengubahnya. Minum racun bukan suatu langkah yang bijak dalam mengatasi masalah percintaan. Cerpen berbentuk pengajaran ini harus ditujukan kepada golongan kekasih yang lemah semangat.

Sebuah lagi cerpen yang mencerminkan tema cinta ialah *‘Mannil Intha Kathal’* (Cinta Di Bumi Ini) karya oleh M.Jayaletchumy. Di dalam cerpen ini, teman lelaki Jaya iaitu Sutagar ditimpa kemalangan jalanraya dan Sutagar menjadi lumpuh. Ekoran insiden tersebut, Jaya tidak ingin mengahwini Sutagar yang cacat dan mengahwini orang lain. Selepas beberapa tahun Jaya ditinggalkan oleh suami dan meninggalkan seorang anak perempuan yang cacat anggota dan kurang upaya. Bagi menjaga anak yang kurang upaya ini, Jaya mencari rumah kebajikan kanak-kanak istimewa untuk anak tersayangannya iaitu Manimalar.

Akhirnya, Jaya dapat mencari sebuah rumah kebajikan kanak-kanak cacat yang digelar sebagai *‘Rumah Yatim Jaya’*. Apabila diketahui bahawa pengurus rumah kebajikan tersebut adalah bekas kekasihnya iaitu Sutagar, maka Jaya cukup sedih dan malu atas perbuatannya. Walaupun Sutagar ditinggalkan oleh Jaya, tetapi dia masih mencintainya. Sutagar menamakan *‘Rumah Yatim Jaya’* itu sebagai tanda cintanya terhadap Jaya yang belum pudar dalam hatinya.

Sutagar seorang yang patut dipuji dan diteladani. Jaya meminta maaf atas kesalahan dan kesilapannya. Jaya amat sedih atas perbuatannya dan tuhan telah memberikan balasan atas dosa yang dilakukan oleh Jaya terhadap Sutagar.

*‘Sutagar, bukan kamu yang cacat. Saya yang cacat di dalam hati saya’*

(Peravai Kathaikal 1993, hlm.22).

Kata-kata yang penuh bererti ini diluahkan oleh Jaya apabila melihat bekas kekasihnya.

Dalam cerpen ini, pengarang memberitahu bahawa cinta sejati tidak hanya didokong oleh badan yang sempurna. Jika seseorang itu menjadi cacat, janganlah mempertaruhkan cinta sejati mereka. Cinta yang palsu tidak akan berjaya dan akan memberi padah kepada mereka yang tidak menghormatinya. Cinta sejati tidak berputik apabila melihat muka dan anggota badan yang cantik.

## 1.2 Tema Kemiskinan

Dari segi sosial, golongan miskin menduduki lapisan bawah dalam sistem susun lapis masyarakat. Dari segi ekonomi, kemiskinan merupakan satu keadaan ketiadaan atau kekurangan kemampuan disebabkan oleh tingkat pendapatan, pemikiran dan pelajaran yang rendah. J.L Roach dan J.K Roach mendefinisikan kemiskinan sebagai,

*“..... as insufficiency of basic needs”*

(Roach J.L dan J.K 1972, hlm.230).

Cerpen *'Ehlikalai Vilungkum Pampukal'* (Ular Menelan Tikus) karya K.Punniyavan mengisahkan faktor kemiskinan menjadi penyebab kepada kejadian bunuh diri seorang anak dara. Dalam karya ini, Kalyani merupakan anak dara belasan tahun yang membantu ayahnya mengutip buah kelapa sawit kerana ayahnya tidak mampu mendapatkan seorang pembantu. Kalyani juga tidak dapat pergi ke sekolah kerana ayahnya tidak mampu membiayai yuran dan kos perbelanjaan persekolahannya. Pada suatu hari, ayah Kalyani membawa seorang kawan ke rumahnya. Setelah kedua-duanya mabuk akibat minum arak, kawannya itu mengambil kesempatan dan merogol Kalyani. Akhirnya Kalyani membunuh diri akibat tidak dapat menerima hakikat nasib malangnya dan tidak sanggup menanggung malu.

Di dalam karya ini, pengarang menyalahkan faktor kemiskinan yang menjadi unsur utama dalam keruntuhan keluarga Kalyani. Akibat kemiskinan seseorang itu dipandang rendah dan mudah diperalatkan. Walaupun orang miskin tidak mahu hidup sedemikian tetapi kemiskinan yang mereka mengalami tidak membenarkan mereka keluar dari lingkaran kemiskinan.

Pengarang N.Mageswari mengutarakan faktor kemiskinan yang menjadi penghalang kepada seorang pelajar. Pelajar tersebut tidak dapat menumpukan perhatian terhadap pelajaran. Dalam karyanya *'Utirum Arumbukal'* (Gugurnya Pucuk) menghuraikan kisah Paramasivam seorang murid darjah enam yang bakal menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Paramasivam selalu lewat ke sekolah kerana dia terpaksa mencuci pinggan nasi lemak di warung. Paramasivam setiap hari bangun awal pagi pukul lima dan terus pergi ke tempat kerja kerana emaknya tidak berupaya untuk bekerja. Dengan itu, Paramasivam menjadi pencari nafkah keluarga itu.

Semasa ujian UPSR sedang dijalankan, guru kelas mendapati Paramasivam tidak hadir ke sekolah. Oleh itu, guru kelas pergi berjumpa Paramasivam dan memaksanya hadir ke sekolah. Paramasivam pula menjawab bahawa,

*" kalau saya mencuci pinggan, saya akan dapat RM 2.00 sehari. Dengan duit itu, barulah emak saya akan memasak. Lagipun adik saya demam. Sudah dua hari dia tidak makan. Saya berjanji pada mereka bahawa saya akan belikan beras. Tolong lepaskan saya,cikgu"*

(Peravai Kathaikal 1989, hlm.52).

Perbualan di antara guru kelas dengan Paramasivam ini jelas memaparkan bahawa faktor kemiskinan boleh menghancurkan masa depan generasi muda. Walaupun mereka cerdik, atas faktor kemiskinan maka mereka terkandas dalam pelajaran. Cerpen ini juga menjadi wadah utama mengapa berlaku keciciran murid di sekolah Tamil seperti mana yang dinyatakan dalam Laporan Murad.

Murugan merupakan seorang anak pekerja ladang. Dia seorang murid yang rajin dan pandai. Dia hanya dapat meneruskan pelajaran sehingga Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kerana diberhentikan dari sekolah selepas kematian ayahnya. Demi keluarganya, Murugan terpaksa memikul tanggungjawab yang besar iaitu mengambil alih pekerjaan ayahnya sebagai pekerja ladang. Ini merupakan fenomena masyarakat India di ladang apabila menimpa masalah dalam sesuatu keluarga di ladang.

Pengarang membawa mesej bahawa faktor kemiskinan juga merupakan punca penghalang kemajuan sesebuah bangsa. Ramai keluarga di ladang yang tidak ada haluan dan panduan hidup. Rata-rata penduduk ladang tidak dapat belajar dalam suasana yang baik dan kemiskinan terus menjadi penghalang kemajuan bangsa.

### 1.3 Tema Kehidupan Masyarakat India Di Ladang Dan Masalahnya

Masalah sosial sering dihadapi oleh masyarakat India yang datang sebagai buruh asing ke Malaya pada awal abad ke-18. Tenaga buruh yang mampu mencipta satu revolusi, terbelenggu dalam kongkongan kuasa golongan pemerintah. Golongan atasan seperti mandur, kerani dan pengurus menguasai golongan buruh India pada masa itu. Mereka terpaksa menghadapi pelbagai masalah sosial. Selepas mencapai kemerdekaan, keadaan mereka masih tidak menampakkan sebarang kemajuan. Mereka terpaksa hidup dalam belenggu kemiskinan. Kehidupan mereka dalam serba kekurangan. Ancaman daripada kerani atau mandur, minum arak, berjudi, nombor ekor adalah antara masalah harian mereka. Mereka daif dalam mengejar kemajuan sebenar.

#### 1.3.1 Penindasan Majikan

Cerpen *'Eithu Pasa'* (Paya Kelapan) karya Thuraisamy Samyvell mengisahkan tentang penindasan golongan majikan. Golongan majikan beranggapan bahawa mereka boleh bertindak sesuka hati dan pekerja bawahan mesti patuh kepadanya.

Cerpen *'Eithu Pasa'* (Paya Kelapan) karya Thuraisamy Samyvell mengisahkan penindasan yang berlaku ke atas seorang gadis belasan tahun yang merupakan seorang pekerja ladang. Pada suatu hari, sewaktu gadis itu sedang mencangkul di kawasan paya besar, Mandur Kuppen yang sudah lama mengidam untuk memuaskan nafsunya cuba mengambil kesempatan itu lalu menerkam dari belakang. Gadis itu terperanjat dan cuba melawan seterusnya memukul Mandur Kuppen sehingga dia mati.

Pengarang menghuraikan bahawa golongan majikan akan menindas dan mengambil kesempatan, walaupun ia akan menjejaskan nyawa golongan pekerja. Dalam cerpen ini orang seperti Mandur Kuppen harus diajar supaya menjadi pengajaran kepada orang lain yang berperangai buruk sepertinya.

Sebuah lagi cerpen yang mengisahkan golongan pemerintah yang menindas golongan bawahan yang diperintah ialah *'Ennai Kasiyum Palangkal'* (Buah menitiskan minyak) karya R.Shanmugam.

Cerpen ini mengisahkan kehidupan Sulochana seorang anak luar nikah dan hidup dalam kemiskinan. Akibat faktor kemiskinan, dia terpaksa mencuba nasib di bandar. Sewaktu tiba di bandar ada orang tidak bertanggungjawab ingin memperdayakan Sulochana ke sarang pelacuran. Sulochana lari menyelamatkan diri dari tempat itu. Seorang budiman memberi bantuan kepada Sulochana dan akhirnya Sulochana berjaya menjadi pegawai kebajikan buruh. Sebagai pegawai kebajikan buruh, Sulochana menerima banyak aduan mengenai penindasan majikan terhadap buruh. Aduan penindasan majikan juga diterima dari ladang tempat asalnya. Beliau terus pergi ke ladang itu dan memulakan penyiasatannya. Dalam tinjauannya, beliau mendapati bahawa pegawai-pegawai atasan menjual buah kelapa sawit kepada orang luar tetapi membuat fitnah bahawa pekerja-pekerja bawahan yang melakukan perbuatan itu lalu mengambil tindakan ke atas mereka.

*"Kamu dan pengurus ladang dalam dua bulan sahaja telah menjual 10,000 tan kepada 'KM Company' secara haram. Pengurus syarikat itu mengaku itu adalah perbuatan kamu. Selepas membuat semua angkara ini, kamu menuduh pekerja buruh yang melakukan semua ini lalu buang kerja"*

(Peravai Kathaikal 1988, hlm.52)

Petikan di atas menjelaskan tentang penindasan majikan terhadap pekerja. Di dalam cerpen itu, pengarang menerangkan tentang perbuatan terkutuk golongan pemerintah terhadap golongan yang tidak berdosa iaitu buruh. Masalah penindasan majikan terhadap buruh telah menjadi kebiasaan dalam budaya hidup masyarakat di ladang.

Cerpen yang bertajuk *'Vandiyum Oru Nall Odattil Erum'* (Kenderaan Dinaiki Dalam Sampan) karya N.Mageswari mengisahkan golongan miskin pun boleh maju jika diberi didikan dan tunjuk ajar. Cerpen ini mengisahkan Munusamy seorang pekerja ladang yang meninggalkan ladang kerana tindasan pihak berkuasa.

Isteri Munusamy yang menghadapi kesulitan dalam melahirkan anak terpaksa dihantar ke hospital di bandar. Munusamy yang hanya menjadi pekerja biasa pergi meminta pertolongan daripada seorang kerani di ladang itu yang memiliki kereta. Tetapi permintaan Munusamy tidak dilayan oleh Nair iaitu kerani tersebut dengan memberi alasan bahawa di antara mereka ada perbezaan taraf iaitu perbezaan kasta di antara mereka. Munusamy amat kesal akan perbuatan Nair. Pada masa itulah Munusamy bertekad untuk memberi pendidikan yang secukupnya kepada anak-anaknya. Munusamy percaya bahawa penindasan golongan atasan terhadap pekerja hanya dapat diubah melalui pendidikan. Dengan itu, Munusamy berpindah ke bandar untuk maju dalam hidup. Kini anak sulung Munusamy ialah seorang doktor dan dua anak perempuan pula menjadi cikgu. Salah seorang daripada mereka mendapat tawaran untuk bekerja di kampung asal mereka.

Setelah tiba di ladang asal, mereka berkesempatan bersemuka dengan kerani Nair. Kini, keadaan Munusamy telah berubah. Nair yang dahulunya memandang rendah terhadap Munusamy terus menjemputnya datang ke rumah. Peristiwa itu membuktikan bahawa taraf pendidikan akan mengubah nasib seseorang. Seseorang itu akan dihormati di mana-mana sahaja jika beliau berpelajaran dan berpendidikan.

#### 1.4 Tema Pendidikan

Keluarga adalah satu institusi sosial yang penting dalam mewujudkan pembelajaran yang berkesan di kalangan kanak-kanak. Asas ini akan diperkukuhkan apabila mereka memulakan alam persekolahan. Dorongan dan rangsangan atau stimulasi ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam perkembangan pelajaran anak-anak.

Karya P.Sumitan *'Manatukul Oru Velvi'* (Tekad Dalam Hati), karya Thiagarajan *'Aditta Param Parai'* (Generasi Baru) dan karya M.R Thanasegar *'Kuppai Thotti'* (Tong Sampah) mengisahkan tema pendidikan iaitu tekad dan azam amatlah penting untuk kemajuan diri.

Dalam cerpen *'Manatukkal Oru Velvi'* (Tekad Dalam Hati) mengisahkan Komathi pelajar tahun 6 bercita-cita untuk menjadi seorang peguam. Cita-citanya tidak tercapai setelah ayahnya ditimpa kemalangan jalanraya. Ayahnya kehilangan pekerjaan dan hilang punca mata pencarian keluarga mereka. Ekoran daripada insiden ini, emaknya menyuruh Komathi bekerja sebagai pembantu rumah. Walaupun begitu, Komathi tidak berputus asa dan berazam untuk terus belajar. Komathi bekerja sambil belajar. Sebelum tidur, Komathi akan mengulangkaji pelajarannya. Setelah beberapa tahun Komathi menduduki Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan akhirnya Komathi berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti. Setelah tamat pengajian di universiti dia menjadi seorang peguam yang terkenal.

Tajuk cerpen *'Adutha Parambarai'* (Generasi Baru) karya Thiagarajan mengisahkan pengorbanan seorang ayah terhadap anaknya. Paramasivam bersusah-payah menyekolahkan anaknya setelah isterinya meninggal dunia. Dia bertekad menyekolahkan anaknya sehingga berjaya mencapai keputusan yang cemerlang.

“*Saya mahu jadikan anak saya berjaya dalam hidupnya. Anak saya mesti belajar hingga menara gading. Hidup saya biarlah begini*”

(Peravai Kathaikal 1998, hlm.38).

Kata-kata Paramasivam di atas membuktikan bahawa dia melihat anaknya sebagai seorang yang berjaya. Dia menganggap pendidikan sebagai tangga kejayaan yang dapat meninggikan martabat sesebuah bangsa. Cerpen ini membawa mesej bahawa dalam dunia serba moden ini, pendidikan amat penting dalam kehidupan seseorang dan mewarnai hidup seseorang.

Karya M.G.Thanasegar dalam cerpen bertajuk ‘*Kuppai Thotti*’ (Tong Sampah) mengisahkan Segar seorang yang rajin belajar. Atas daya usaha dan kegigihan beliau, kini Segar menjawat jawatan sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran Malaysia. Pada suatu hari Segar dijemput untuk merasmikan majlis pembukaan sekolah. Sebenarnya Segar dijemput ke sekolah lama beliau di mana beliau memulakan pendidikan awal zaman kanak-kanak. Segar teringat akan insiden di sekolah dahulu, “*Pelajar-pelajar menggelarnya sebagai tong sampah*”. Ini adalah kerana dia telah dimarahi oleh guru kelasnya kerana makan nasi lemak di dalam kelas. Sebagai denda atas perbuatan itu, Segar diminta berdiri di sebelah tong sampah untuk satu tempoh masa. Kawannya-kawanya mengejek Segar dengan nama “Tong Sampah”. Mulai hari itu, Segar berazam dan bertekad untuk belajar dengan bersungguh-sungguh.

Pengarang cuba memperlihatkan bahawa pengalaman pahit boleh menyebabkan seseorang itu maju dalam pelajarannya. Pengalaman pahit dalam hidup seseorang membolehkan mereka membetulkan kesilapan dan seterusnya berjaya dalam hidup dan dihormati orang.

### 1.5 Tema Alam Perguruan dan Sekolah

Di dalam cerpen ‘*Vidivellikal*’ (pencetus) karya K.Munusamy mengisahkan Puvana seorang guru lepasan maktab perguruan menghadapi pelbagai rintangan dan masalah daripada guru besar dan guru-guru lain.

Puvana memohon untuk mengadakan kelas tambahan untuk pelajar-pelajar yang bakal menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Guru besar pula tidak begitu minat dalam peningkatan akademik pelajar. Beliau lebih mementingkan aktiviti-aktiviti sambutan sekolah yang mana boleh mendapatkan peruntukan daripada VIP dan orang-orang politik. Sebenarnya guru besar ingin memperolehi keuntungan melalui program-program seperti ini. Untuk itu, beliau mengarahkan guru-guru untuk menjalankan aktiviti yang diarahkan oleh beliau. Oleh kerana ahli politik tidak dapat hadir mengikut takwim sekolah, guru besar menganjurkan hari penyampaian hadiah mengikut tarikh yang ditetapkan oleh orang politik itu. Puvana tidak dapat menerima gelagat dan perangai guru besar dan guru-guru lain yang tidak mementingkan pelajaran anak-anak sendiri.

Pengarang mengkritik tindakan segelintir guru besar yang meraih keuntungan dengan menyalahgunakan nama sekolah dan pelajar malah tidak berusaha untuk mempertingkatkan akademik pelajar.

Sebuah lagi cerpen yang mengkritik tindakan guru besar yang menjadi agen penjualan tanah ialah cerpen ‘*Samuthaiya Kodarikal*’ (Parasit Sosial) karya Annamalai.

Cerpen ini mengisahkan salah laku menggunakan kuasa yang diamanahkan di sekolah-sekolah Tamil. Guru besar tidak bekerja untuk kemajuan sekolah malah bekerja untuk kemajuan diri. Guru besar selalu tidak masuk ke kelas tetapi menjadi agen broker tanah. Apabila ujian penilaian di sekolah dijalankan, guru besar hanya mengadakan ujian dan kertas jawapan tidak diperiksa. Pengarang memperlihatkan perbuatan segelintir guru besar yang tidak bertanggungjawab mencerminkan budaya kerja negatif di sekolah Tamil dan menghalang kemajuan pelajaran di sekolah itu.

Cerpen-cerpen M.Ramaya banyak berkisar tentang dunia guru. Karya-karya beliau seperti ‘*Elakkaram*’ (Berpandangan Rendah), ‘*Kurukku Suvarkul*’ (Dinding Penghalang), ‘*Viduvu*’ (Harapan), ‘*Sumaitangikal*’ (Beban Dikongsi Bersama) merupakan cerpen-cerpen yang mengutamakan tema dunia pendidikan.

Karya ‘*Elakkaram*’ (Berpandangan Rendah) mengisahkan seorang guru sementara yang bekerja di sekolah Tamil. Sebenarnya, guru sementara ini menunggu surat tawaran untuk kemasukan ke universiti tempatan. Sementara menunggu tawaran kemasukan ke universiti, dia bekerja sebagai guru sementara. Sewaktu bekerja sebagai guru sementara, guru-guru lain menjadikan beliau sebagai orang suruhan meraka. Segala kerja diberi kepada beliau dan dia sanggup bertahan dengan sikap keterlaluan guru-guru tersebut. Akhirnya guru itu mendapat tempat di universiti dan berasa cukup kecewa tentang budaya kerja di sekolah berkenaan. Cerpen ini membidas sebilangan guru yang tidak beretika dan tidak berhemah dalam profession keguruan.

Sebuah lagi cerpen iaitu ‘*Viduvu*’ (Harapan) mengisahkan kehidupan sengsara Selvamani, seorang guru sementara yang setiap tahun perlu memperbaharui permit kerjanya. Selvamani sudah bosan dengan kehidupan sebagai guru sementara yang terpaksa menunggu ehsan iaitu belas kasihan daripada pegawai atasan untuk mndapatkan permit kerjanya. Akhirnya beliau bercadang untuk mencuba nasib di bidang lain. Sehari sebelum Selvamani memberi surat peletakan jawatan beliau, guru besar memberi surat tawaran ke Kursus Dalam Cuti kepada Selvamani. Beliau sangat gembira apabila mendapat surat tawaran tersebut kerana tidak perlu memperbaharui permit kerja setiap tahun dan kini dia akan menjadi guru tetap selepas mengikuti Kursus Dalam Cuti ini.

## 1.6 Masalah Sosial

Masalah sosial sebenarnya adalah dihadapi oleh tiap-tiap individu dalam masyarakat, sama ada masyarakat kota atau desa dan akan tetap kekal sebagai masalah yang sentiasa mendapat perhatian daripada para penulis selagi manusia masih berinteraksi antara satu sama lain. Masalah ini meliputi semua bidang kegiatan manusia ( Abdullah bin Tahir 1975, hlm.59).

Kebanyakan ibu bapa hanya menekankan soal kerjaya mereka dan tidak menekankan soal kasih sayang dan tidak prihatin terhadap keluarga. Ini mungkin disebabkan oleh taraf pendapatan rendah dan tidak stabil. Untuk menyara keluarga tersayang mereka terpaksa bekerja sehingga tidak ada masa untuk menjaga anak-anak mereka. Apabila tidak mendapat perhatian daripada ibu bapa, anak-anak mengambil kesempatan melibatkan diri dalam gejala sosial.

Dalam masa yang sama, kebebasan yang keterlaluan juga melahirkan pelajar-pelajar yang bermasalah disiplin. Oleh itu, dalam mendidik anak, ibu bapa mestilah memainkan peranan penting dalam mengasuh dan mengawal anak-anak mereka. Ibu bapa tidak seharusnya memberikan kebebasan yang keterlaluan, malah tidak juga harus mengongkang anak-anak sehingga tidak diberi kebebasan langsung.

### 1.6.1 Didikan Songsang Dan Pergaulan Bebas

Cerpen '*Innaru Thalaimurai*' (Generasi Baru) Karya P.Sasitharan mengisahkan tentang Varatharaju yang mempunyai dua orang anak. Anak sulungnya bermastautin di Amerika Syarikat. Manakala seorang lagi anak iaitu anak perempuannya belajar di kolej. Anak perempuan terlalu bersosial. Isteri Varatharaju iaitu ibu kepada anak-anak ini bekerja sebagai seorang kerani di pejabat dan selalu sibuk dengan pekerjaannya.

Varatharaju tidak diberi penghormatan kerana beliau adalah seorang yang telah bersara. Varatharaju selalu menasihati isteri supaya tidak memanjakan anak-anak mereka dan jangan memberi kebebasan yang keterlaluan. Nasihatnya tidak dipedulikan oleh isteri dan anak. Varatharaju sangat sedih dan kecewa lalu bertekad untuk mengambil seorang anak angkat. Dia mahu mendidik dan mengasuh anak tersebut supaya berdisiplin. Di dalam cerpen ini, pengarang memberi mesej bahawa kebebasan yang keterlaluan kepada anak-anak dan tiadanya kawalan suami terhadap isteri boleh mengundang masalah rumahtangga. Peribahasa "sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna" sangat sesuai untuk cerpen ini.

Cerpen yang bertajuk '*Appuram*' (Kemudian) karya Ramakrishnan mengisahkan Sumita seorang yang terlalu bersosial. Sumita telah berkahwin dengan Ramesh, iaitu rakan sekolej dengannya.

Walaupun Sumita telah berkahwin tetapi beliau tidak mengubah kelakuannya. Beliau selalu bersosial dengan rakan-rakannya. Sikap beliau ini menggalakkan Krishna iaitu sahabat lama Sumitha ingin mengambil kesempatan terhadapnya. Dia menunggu peluang untuk memenuhi nafsunya. Perbuatan itu membuatkan Sumita insaf akan kesalahannya. Barulah Sumita menyedari bahawa pergaulan bebas yang tiada batasan akan membawa padah.

Pengarang memperlihatkan dalam cerpen ini bahawa jika seorang wanita berpelakuan terlalu sosial, ia akan merosakkan hidupnya. Pergaulan bebas ada ruang dan hadnya. Selepas berkahwin seseorang isteri hendaklah menunjukkan kesetiaan yang tidak berbelah bagi terhadap pasangannya.

## 1.7 Tema Perceraian

Sejak kebelakangan ini, isu perceraian dalam kalangan masyarakat Malaysia semakin meningkat dari setahun ke setahun tidak kira di bandar mahupun di luar bandar. Peningkatan kadar perceraian ini berikutan kadar kepesatan pembangunan yang secara tidak langsung telah mengubah cara hidup seseorang individu. Isu ini telah lama dibincangkan, namun masih belum dapat jalan penyelesaiannya. Mereka saling menyalahkan antara satu sama lain tanpa mencari jalan penyelesaiannya. Sebenarnya setiap perceraian yang berlaku melibatkan rangkaian beberapa faktor dan bukannya melibatkan satu faktor sahaja. Walaubagaimanapun faktor umur dan pekerjaan sering dikaitkan dengan kadar perceraian dalam masyarakat hari ini.

Masalah perceraian sebenarnya perlu diberi perhatian yang serius kerana ia boleh mendatangkan implikasi yang besar bukan sahaja kepada individu yang terbabit tetapi juga kepada struktur keluarga, masyarakat dan negara. Peningkatan masalah sosial di kalangan remaja kesan daripada keruntuhan institusi keluarga itu sendiri.

Karya V. Munian dalam cerpen '*Vivakarathu*' (Perceraian) menyentuh tentang tema perceraian. Di dalam karyanya, beliau mengesahkan Kumar meminta cerai daripada isteri kerana ieterinya tidak sehaluan dengan ibu bapanya. Kumar berjumpa dengan peguam bernama Varatharajan untuk menceraikan isterinya. Peguam menasihatkan Kumar supaya tinggal berasingan untuk satu tempoh masa sebelum memohon bercerai. Peguam menasihatkan Kumar dan berharap perselisihan di antara suami-isteri dapat diatasi jika hidup berasingan. Walaupun tugasnya adalah untuk meluluskan perceraian mereka tetapi peguam Varatharajan berhati mulia. Ini disebabkan anak lelaki dan menantu perempuan Varatharajan menghadapi situasi atau nasib yang sama dan memohon cerai. Mengenangkan nasib masa depan cucu Manjula maka sebagai bapa mertua peguam Varatharajan meminta anak lelaki dan menantu supaya tinggal berasingan di rumah lain. Setelah mereka berpisah untuk tempoh masa, akhirnya mereka menyedari kesilapan mereka dan memohon maaf dan kembali berumahtangga semula. Oleh kerana pengalaman yang telah dilalui dalam keluarga Varatharajan maka beliau memberi nasihat kepada Kumar supaya membawa isteri dan tinggal berasingan.

Di dalam cerpen ini, pengarang ingin menyatakan bahawa sebarang masalah dapat diatasi jika diberi ruang dan masa yang cukup. Pengarang juga menekankan peri pentingnya institusi keluarga. Dalam institusi keluarga perceraian akan mendatangkan natijah yang pahit jika tidak dihalusi dengan betul. Keluargalah institusi pertama dalam masyarakat yang bertanggungjawab mendidik dan membentuk personaliti dan tingkah laku sosial anak-anak. Keruntuhan institusi keluarga membawa kepincangan dalam kehidupan individu dan akhirnya memberi kesan kepada sistem sosial yang lebih besar iaitu masyarakat dan negara amnya.

## 1.8 Institusi Keluarga

Sesebuah keluarga akan kukuh jika anggota keluarga bersatu manakala sebaliknya akan berporak-peranda jika mereka tidak bersatu. Dalam sesebuah keluarga selalunya si suami, isteri dan anak-anaknya yang menjadi keluarga nukilan. Jikalau ia merupakan keluarga berkelompok maka ia tidak ketinggalan untuk memaparkan datuk, nenek dan adik-beradik kepada si suami. Maka, sudah tentulah melibatkan ramai individu dan setiap seorang akan mempunyai tingkahlaku yang berlainan. Kebanyakan cerpen yang dimuatkan dalam antologi cerpen 'Peravai Kathaikal' (1986-2000) adalah cerpen berdasarkan kepada tema keluarga. Budaya mengutamakan keluarga mendorong para cerpenis ini memberi keberatan yang lebih kepada tema keluarga.

### 1.8.1 Tanggungjawab Isteri

Suami isteri merupakan anggota nukilan yang sangat penting dalam keluarga. Persefahaman di antara mereka adalah asas kepada keluarga yang baik. Perselisihan di antara mereka, akan mengakibatkan keadaan keluarga menjadi porak-peranda. Apabila si suami-isteri tidak memahami di antara satu sama lain, maka anak mereka akan menjadi mangsa akibat tidak bertolak-ansur. Cerpen '*Oor Kuruvi*' (Burung Tiung) karya S.Kamala merupakan cerpen yang bertemakan si isteri yang tidak mementingkan kewajipan keluarga. Dalam cerpen ini, si suami iaitu Buminathan meminta supaya isterinya berada di rumah menjaga keluarga dan anak. Perkara ini tidak disenangi oleh si isteri yang mengorbankan masa dan tenaga untuk keluarga tersayang. Si isteri menyatakan bahawa pada hujung minggu pun, beliau terpaksa bekerja. Dengan itu, si isteri mencadangkan supaya mendapatkan seorang pembantu rumah untuk mengasuh anak mereka. Buminathan sungguh kecewa dan marah terhadap perandai isteri yang tidak bertanggungjawab dan dengan nada sinis meminta isterinya mencari pembantu rumah yang muda yang juga boleh melayan beliau dan menyempurnakan tugas-tugas sebagai seorang isteri.

Cerpen ini mengkritik kehidupan zaman moden yang lebih sofistikated. Pembantu rumah kini sudah mengambil alih tanggungjawab seorang ibu dan hal ehwal rumahtangga. Cerpen ini juga memberi tamparan kepada golongan wanita yang hanya mementingkan kekayaan tanpa mengira tanggungjawab mereka sebagai seorang isteri dan menjaga kebahagiaan keluarga.

### 1.8.2 Halangan Dalam Mendirikan Rumahtangga

Cerpen yang bertajuk '*Sambalam*' (Gaji) hasil karya Ratakrishnan mengisahkan Letchumy merupakan anak sulung yang terpaksa menyara keluarga. Letchumy bekerja sebagai kerani bank dan telah pun bertunang dengan Subramaniam. Emak Letchumy risau jika Letchumy berkahwin nanti, pendapatan keluarganya akan terancam. Dalam masa yang sama, bakal suami iaitu Subramaniam bersetuju mengahwini Letchumy atas alasan dia juga boleh mendapat pendapatan Letchumy yang sedang bekerja. Selepas mengetahui hasrat terpendam bakal suami dan kerisauan emak terhadap pendapatan keluarga maka Letchumy cukup sedih akan nasib yang menimpa pada dirinya.

Cerpen ini membawa mesej bahawa dunia sekarang hanya mementingkan wang (gaji) tanpa mengira kebahagiaan hidup. Lelaki zaman sekarang ingin mengahwini perempuan yang bekerja. Ini memburukkan norma-norma hidup yang sekian lama diamalkan. Dengan lain perkataan, manusia sanggup meninggalkan nilai-nilai kehidupan demi mengejar kebendaan. Ikatan murni dalam perkahwinan juga tidak diberi keutamaan tetapi alam kebendaan disanjung tinggi dan diminati.

### 1.8.3 Tema Keluarga Yang Melibatkan Pengorbanan Ibu-bapa

Pengorbanan ibu-bapa tidak boleh dinilai dengan mata wang kerana mereka sanggup membuat apa saja demi kebahagiaan anak-anak mereka. Sudah menjadi lumrah hidup bahawa pengorbanan ibu bapa merintis ke arah kemajuan anak-anaknya. Cerpen '*Sarugu*' (Dedaun Tua) karya Kalyani mengisahkan betapa susahnya seorang ayah mengorbankan kehidupannya demi kejayaan anak-anaknya. Bapa Mathavan selalu memberitahu kepada kawan-kawannya bahawa,

*"Bapa penggerak utama kemajuan anak berbanding dengan ibunya"*

(Peravai Kathaikal, 1990, hlm,11).

Bapa Mathavan bersusah payah menyekolahkan anaknya setelah kematian isterinya pada usia muda. Beliau tidak mahu berkahwin demi menyara anak yang tersayang. Beliau takut kebahagiaan mereka akan hilang akibat perbuatan ibu tiri. Mathavan telah dewasa dan berjaya dalam hidupnya, Ayahnya sudah tua dan menjadi pesakit. Mathavan cukup terharu melihat keadaan bapa yang mengorbankan kehidupannya untuk dirinya.



Cerpen ini memberi pengajaran kepada anak-anak muda sekarang yang tidak mengenang budi pengorbanan ibu bapa mereka. Sebagai seorang anak, adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk menjaga dengan baik apabila mereka sudah tua dan tidak berdaya lagi.

Dalam institusi keluarga selain daripada pengorbanan bapa pengorbanan anggota keluarga yang lain juga penting, contohnya sebagai seorang anak sulung. Persoalan ini dibicarakan oleh Parvathi dalam karya ‘*Etirparpukal*’ (Harapan). Karya ini mengisahkan kehidupan empat orang adik-beradik. Yang sulung ialah kakak Janaranchani yang terpaksa mengambil peranan sebagai ketua keluarga setelah ayahnya tidak dapat kerja akibat serangan angin ahmar.

Walaupun sudah sampai masa untuk berkahwin tetapi jodohnya ditolak oleh Janaranchani atas alasan untuk menyara keluarga. Sebaliknya mengahwinkan adiknya. Setelah masa berlalu tidak seorang adik pun mengambil berat tentang perkahwinan Janaranchani. Dengan itu, dia tinggal sebatang kara sehingga akhir. Beberapa tahun kemudian, adiknya sudah mempunyai anak tetapi nasib kakaknya masih tidak berkahwin dan keseorangan. Cerpen ini menjelaskan pengorbanan kakak untuk kebahagiaan keluarga.

Cerpen ‘*Enakka*’ (Untuk Diri Saya) karya Pavai yang mengisahkan tentang pengorbanan seorang ibu tunggal.

Dalam cerpen ini si ibu membesarkan keempat-empat anaknya. Anak pertama ialah Hari dan isterinya Sumathi. Anak kedua Sekar dan isterinya Orvasi. Sekar belajar di luar negara dan mencari jodoh pilihannya di luar negara. Sekar marah terhadap ibu yang tidak menyukai pilihan jodohnya. Anak perempuan yang ketiga pula berkahwin dan tidak datang berjumpa ibu untuk sekian lama. Kesemua kerja diberikan kepada si ibu dan menantu perempuan pula menderanya. Si ibu tidak dapat menahan layanan buruk kedua-dua menantu perempuan iaitu isteri Sekar dan Hari. Anak-anaknya berada di bawah kawalan menantu. Pada suatu hari, cucunya jatuh di lantai dan tercedera. Perkara ini telah diperbesarkan oleh menantunya sehingga ibu terasa cukup sedih. Ibu menerima kutukan daripada menantunya seperti berikut;

*“Tak guna menangis! Kononnya kita mendera kamu. Perempuan angkuh. Kena ajar dia”*

(Peravai Kathaikal, 1999, hlm.75).

Ibu yang sekian lama mengorbankan kehidupannya demi kebahagiaan anak-anak, menantu dan cucunya bersedih atas layanan yang diterima. Beliau juga berfikir bahawa jikalau dia membuat kerja yang sama pada seorang majikan maka dia akan menerima gaji. Beliau berkata,

*“Baik saya kerja sebagai orang gaji di rumah orang lain. Saya dapat gaji daripada membuat kerja, menjaga anak dan memasak untuk menantu”*

(Peravai Kathaikal 1999, hlm.76).

Melalui cerpen ini pengarang cuba mengingatkan anak-anak zaman sekarang yang tidak memenuhi tanggungjawab menjaga ibu bapa mereka pada usia tua, malah lupa pengorbanan ibu dan ayah yang berkorban demi kemajuan mereka.

Peristiwa yang sama diketengahkan dalam karya Anjali dalam cerpen ‘*Putiya Ennam*’ (pemikiran Baru). Cerpen ini mengisahkan bahawa pasangan Letchumy-Gopal mempunyai seorang anak yang bernama Siva yang telah berkahwin dengan Jothi. Menantunya tidak suka dengan perangai emak mertua lalu bertengkar dengannya. Pada suatu hari Letchumy berpindah ke rumah sewa meninggalkan anaknya Siva untuk hidup berdikari.

Tidak lama kemudian, Siva berselisih faham dengan isterinya Jothi dan ingin menceraikan isterinya. Tetapi emak Siva membantah anaknya daripada berbuat demikian lalu berkata,

*“Apa-apa pun masalah perlu diselesaikan di dalam rumah. Itulah cara terbaik mengatasi masalah”*

(Peravai Kathaikal 1997, hlm.118).

Dalam cerpen ini, pengarang hendak memperlihatkan bahawa hubungan yang rapat antara emak mertua dengan menantu perempuan perlu diperlihara dengan baik untuk kesejahteraan keluarga. Orang berpengalaman lebih mengenali sesuatu masalah daripada menantu perempuan. Segala tindak-tanduk mereka, perlu dihormati oleh kedua-dua suami dan isteri.

## 1.9 Tema Warga Emas

Perkembangan bilangan warga tua juga ketara dalam masyarakat India, khususnya yang tinggal di ladang-ladang. Warga tua yang menanti ajal, hanya bergantung kepada ahli-ahli keluarga mereka terutamanya anak-anak mereka untuk memenuhi keperluan asas mereka. Ini kerana mereka tidak aktif seperti sewaktu muda.

*“Kasih ibu membawa ke syurga, kasih ayah sepanjang masa”*. Ini menunjukkan kasih sayang ibu bapa terhadap anak-anak. Ibu bapa sanggup berkorban apa sahaja untuk kebahagiaan hidup anak-anak mereka. Namun begitu tidak semua anak-anak menghargai pengorbanan ibu bapa mereka. Masyarakat kini terlalu ghairah memburu

kemewahan material sehingga mengabaikan nilai-nilai budaya timur. Nilai-nilai barat telah meresapi jiwa mereka sehingga nilai kasih sayang dalam sebuah keluarga diabaikan.

Dewasa kini dalam sesebuah keluarga, warga tua jarang sekali menjadi tempat rujukan anak-anak. Ini lebih ketara bagi anak-anak yang mendapat pendidikan yang lebih tinggi daripada ibu bapa yang lanjut usia. Mereka beranggapan orang tua mereka bukan lagi sebagai tanggungjawab mereka tetapi satu beban kepada mereka. Ini sering berlaku di kalangan anak-anak yang sibuk bekerja dan tidak cukup masa untuk menjaga ibu bapa mereka yang sudah tua.

Cerpen ‘*Sonthangal Sumaiyakum*’ (Saudara Menjadi Beban) karya Pavai mengisahkan kehidupan Ratnam di rumah kebajikan dan terpaksa meninggal dunia di rumah itu kerana ditinggalkan oleh kedua-dua anaknya. Berulang kali Ratnam meminta anak-anaknya membawa dirinya semula dari rumah kebajikan dan tinggal bersamam ereka tetapi permintaannya tidak dipedulikan oleh anak-anaknya. Sebagai ironi, anak-anaknya berlumba-lumba untuk mendapatkan mayat ayahnya untuk mengkebumikan. Ini dapat dilihat daripada kata-kata,

*“Semasa hidup ayah mereka tidak dijaga selepas mati anak-anak ingin berkongsi duit mati”*

(Peravai Kathaikal, 1989, hlm.23).

Cerpen ini mengutuk anak-anak yang tidak mengenang budi ayah. Ratnam sebelum meninggal, telahpun simpan duit Khairat kematian sebanyak RM40. Ratnam takut kalau anak-anaknya tidak menguburkan beliau. Di dalam cerpen ini, seorang warga tua mengutuk perangai anak-anak yang langsung tidak berperikemanusiaan.

*“Seorang ayah dapat menjaga sepuluh anak tetapi sepuluh anak tidak dapat menjaga seorang ayah”*

(Peravai Kathaikal, 1989, hlm. 24).

Ini merupakan sindiran yang memberi tamparan hebat kepada anak-anak sekarang. Sebagai seorang anak, tanggungjawabnya menjaga kedua-dua ibu bapa merupakan satu kemestian yang perlu disempurnakan dengan bijak dan baik.

Sebuah lagi cerpen ‘*Antima Thavagal*’ (Harapan) karya oleh Pavai mengisahkan Kanniamma telah ditinggalkan di rumah kebajikan oleh anak dan menantu perempuannya. Kedua-dua mereka tidak suka akan perangai ibu lalu dihantar ke rumah warga tua. Setelah beberapa tahun kemudian, anak dan menantunya malawat rumah kebajikan warga tua bukan untuk melawat ibu tetapi untuk meraikan hari jadi anak mereka. Mereka menghadihkan pakaian kepada warga tua. Mereka lupa bahawa sebenarnya di rumah warga tua itulah emaknya dipaksa ditinggalkan dan emaknya masih berada di situ. Melihat keadaan itu, emaknya cukup terharu melihat perangai anak-anak yang tidak mengenang budi dan menitikkan air mata terakhir. Cerpen ini juga jelas menunjukkan bahawa anak-anak seperti Si Tanggung masih wujud di zaman ini.

Sebuah lagi cerpen yang mengambil tema warga tua ialah ‘*Oliyil Nadamadum Iruttukal*’ (Gelap Bergerak Dalam Cahaya) karya Janaki mengisahkan seorang ayah mertua terpaksa menjadi orang suruhan menantu perempuan.

Anak lelakinya tidak menghormati ayahnya sendiri. Menantu perempuan pula tidak memberi hormat kepada ayah mertua. Pada suatu hari, dua ekor lembu jagaan ayah mertua itu hilang. Ayahnya takut dimarahi oleh menantu. Melihat akan insiden kehilangan dua ekor lembu itu maka si bapa cukup sedih dan menghembuskan nafas terakhir semata-mata takut layanan buruk yang akan diterima daripada menantu perempuannya. Sebenarnya dua ekor lembu itu telah dijual oleh anak lelakinya sendiri.

Di dalam cerpen ini, pengarang menekankan bahawa menantu perlu menghormati orang tua dan jangan menyakiti hati mereka. Tingkahlaku menantu yang keterlaluan boleh membawa maut tanpa diduga. Cerpen ini juga memberi pengajaran bahawa warga tua mesti dijaga dengan baik kerana mereka memerlukan kasih sayang. Mereka menganggap masyarakat tidak memerlukan mereka yang sudah daif dan tidak berdaya lagi. Dengan itu, generasi muda harus bertanggungjawab menjaga kesejahteraan warga tua dan memahami kehendak mereka.

Cerpen ‘*Antha Vayathil*’ (Pada Usia Itu) karya Anbuchelvam mengisahkan pergolakan hidup Anthony iaitu seorang Pegawai yang tegas dan berdisiplin yang telahpun bersara. Anak-anaknya memaksa beliau duduk di rumah sahaja.

*“Ayah tidak tahu apa-apa. Tolong diam diri. Jangan berlagak macam dulu. Kami sudah besar. Baik buruk itu, kami pun tahu”*

(Peravai Kathaikal, 1990, hlm.123).

Kongkongan anak-anaknya tidak dapat diterima oleh Anthony dan tidak dipedulikan oleh mereka setelah bersara.

Pengarang memberi mesej bahawa orang yang telah bersara harus dihormati dan diberi penghormatan yang secukupnya. Usia bersara bukanlah sesuatu usia yang hilang segala keupayaan. Dengan demikian, warga tua yang telah bersara tidak boleh diketepikan atau disisihkan daripada segala aktiviti keluarga. Malah mereka juga harus diberi penghormatan seperti sedia kala supaya mereka tidak tersinggung dan kecil hati.

## KESIMPULAN

Pada kesimpulannya tema-tema yang dikemukakan dalam antologi 'Peravai Kathaikal' meliputi pelbagai aspek masyarakat India negara ini. Cerpen-cerpen Tamil yang dimuatkan dalam koleksi dan antologi cerpen 'Peravai Kathaikal' memberi gambaran kehidupan sebenar sesebuah masyarakat. Dengan demikian latar mengenai kisah perladangan amat dominan dalam penghasilan dan pengolahan tema oleh cerpenis-cerpenis tempatan. Tema-tema yang dikaji dapat dibahagikan kepada dua aspek. Pertama tema tradisional dan yang kedua merupakan tema yang membawa isu-isu semasa. Tema-tema tradisional ialah tema cinta, kemiskinan, masalah sosial, dan tema masyarakat ladang serta permasalahan. Tema isu-isu semasa pula dibahagikan kepada tema keluarga, tema warga emas, tema pendidikan dan alam persekolahan.

## RUJUKAN

- A.Saman Ismail. (1984). *Tema*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abdullah Tahir. (1989). *Proses Penciptaan Novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Hashim Awang. (1975). *Cerpen-cerpen Melayu Sebelum Perang Dunia II: Satu Analisis Tentang Tema dan Struktur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Hashim Awang. (1998). *Penciptaan Dan Kemanusiaan Dalam Cerpen dan Novel*, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Kempton, K.P. (1971). *The Short Story*. London: Harvard University Press.
- Krishnan Maniam. (1993). *Cerpen Tamil Dan Melayu (1957-1972): Perbandingan Tema Dan Struktur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Lim Swee Tin. (2001). *Tema Dan Praktik: Dinamika Kreatif Penulisan Cerpen*. Shah Alam : Cerdik Publication Sdn. Bhd.
- Noor Azam, M. (1962). *Beberapa Persoalan Dalam Cerpen Melayu Modern*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Othman Puteh. (1983). *Cerpen-cerpen Melayu Selepas Perang Dunia Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Othman Puteh. (1997). *Landas Kreativiti Penulisan Cerpen*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Roach J.L. and Roach J.K. (1972). *Poverty*. London: Penguins Books.
- Robiah, K.H. (1997). *Remaja Dan Cinta*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Rohaty Mohd Majzub. (1998). *Memahami Jiwa Dan Minda Remaja*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Usman Awang dan A. Samad Said. (1963). *Tema Dan Tugas Satera*. Petaling Jaya: Penerbitan Federal Berhad.
- Pengarah. (1986). *Penghantar Dalam Antologi Cerpen Tamil (Peravaik Kathaikal)*. Universiti Malaya: Persatuan Bahasa Tamil.
- Pengarah. (1972-1973). *The Development of Tamil Short Stories In Malaysia*, dalam Tamil Oli, Vol. 10. Universiti Malaya: Persatuan Bahasa Tamil.
- Pengarah Peraduan Cerpen PBTUM. (1986). *Antologi Cerpen 1*. Universiti Malaya: Persatuan Bahasa Tamil.
- Pengarah Peraduan Cerpen PBTUM. (1987). *Antologi Cerpen 2*. Universiti Malaya: Persatuan Bahasa Tamil.
- Pengarah Peraduan Cerpen PBTUM. (1988). *Antologi Cerpen 3*. Universiti Malaya: Persatuan Bahasa Tamil.

- Pengarah Peraduan Cerpen PBTUM. (1989). *Antologi Cerpen 4*. Universiti Malaya: Persatuan Bahasa Tamil.
- Pengarah Peraduan Cerpen PBTUM. (1990). *Antologi Cerpen 5*. Universiti Malaya: Persatuan Bahasa Tamil.
- Pengarah Peraduan Cerpen PBTUM. (1993). *Antologi Cerpen 8*. Universiti Malaya: Persatuan Bahasa Tamil.
- Pengarah Peraduan Cerpen PBTUM (1996). *Antologi Cerpen 11*. Universiti Malaya: Persatuan Bahasa Tamil.
- Pengarah Peraduan Cerpen PBTUM. (1997). *Antologi Cerpen 12*. Universiti Malaya: Persatuan Bahasa Tamil.
- Pengarah Peraduan Cerpen PBTUM. (1998). *Antologi Cerpen 13*. Universiti Malaya: Persatuan Bahasa Tamil.
- Pengarah Peraduan Cerpen PBTUM. (1989). *Antologi Cerpen 14*. Universiti Malaya: Persatuan Bahasa Tamil.